Pendakwa Raya lwn Les Mary dan satu lagi

A

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN JENAYAH NO 45C-128–06 TAHUN 2013
MOHD YAZID H
1 JUN 2015

B

Prosedur Jenayah — Hukuman — Kecukupan — Kedua-dua tertuduh dipertuduh dengan kesalahan menculik di bawah s 363 Kanun Keseksaan dibaca bersama s 34 Kanun yang sama — Tertuduh mengaku bersalah dan dihukum — Sama ada hukuman memadai — Kanun Keseksaan ss 34 & 363

C

Tertuduh pertama dan tertuduh kedua telah dipertuduh atas satu kesalahan menculik seorang bayi di bawah s 363 Kanun Keseksaan ('Kanun') dibaca bersama s 34 Kanun yang sama. Kedua-dua tertuduh merupakan warganegara Kemboja dan bekerja sebagai orang gaji dengan gaji RM800 sebulan. Berdasarkan fakta kes, kedua-dua tertuduh melarikan bayi tersebut sebagai jaminan untuk membolehkan mereka keluar dari negara ini. Sebaik sahaja pertuduhan dibacakan, kedua-dua tertuduh telah membuat pengakuan salah. Isu untuk diputuskan adalah sama ada hukuman memadai dan tidak terlalu 'manifestly inadequate'.

D

E

Diputuskan, menghukum kedua-dua tertuduh dengan penjara empat tahun dan denda RM5,000:

F

(1) Kes penculikan bayi merupakan satu kesalahan yang serius, oleh itu hukuman mestilah berbentuk deteren dan faktor kepentingan awam hendaklah diutamakan. Mahkamah dalam menjatuhkan hukuman telah mengambil kira faktor mitigasi seperti latar belakang kedua-dua tertuduh yang berusia muda; berasal dari keluarga miskin di Kemboja; merupakan pesalah pertama dan mempunyai rekod yang bersih. Selain itu, berdasarkan fakta kes, walaupun bayi tersebut telah dilarikan, namun bayi tersebut tidak dicederakan malahan kedua-dua tertuduh membawa bersama pakaian dan susu bayi. Kedua-dua tertuduh juga telah mengaku bersalah sebaik sahaja pertuduhan dibacakan, ianya jelas menzahirkan keinsafan yang amat sangat ke atas insiden yang berlaku. Fakta dan keadaan kes tidak mewajarkan kedua-dua tertuduh dipenjarakan untuk tempoh yang panjang (lihat perenggan 5, 9–10, 12–14 & 20).

G

H

I

[English summary

The first and second accused persons were charged for an offence of kidnapping an infant under s 363 of the Penal Code ('the Code') read together with s 34 of the same Code. The accused persons were Cambodian nationals

A and worked as domestic help, earning RM800 a month. Based on the facts of the case, the accused persons took the infant as a hostage to enable them to leave the country. After the charges were read, the accused persons pleaded guilty. The issue that arose were whether the sentence was sufficient and not 'manifestly inadequate'.

B

Held, sentencing the accused persons to four years imprisonment and fine of RM5,000:

(1) Kidnapping an infant is a serious case. Therefore, the sentence must be
C deterrent in nature and public interest must be given priority. In sentencing, the court had taken into account mitigation factors such as the young age of the accused persons; they came from a poor family in Cambodia; it was their first offence and they had a clean record. In addition to that, based on the facts of the case, despite being kidnapped,
D the infant was not hurt and in fact the accused persons had packed clothes and milk with them. The accused persons also pleaded guilty right after the charges were read. This clearly shows that the accused persons were deeply remorseful over what had transpired. The facts and circumstances of the case did not warrant the accused persons to be imprisoned for a
E long period (see paras 5, 9–10, 12–14 & 20).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kecukupan hukuman, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (5th
F Ed, 2015) perenggan 3914–3955.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Karim v R [1954] 1 MLJ 86 (dirujuk)
Muhammad Isa bin Aris & Ors v PP [2011] 5 MLJ 342, MR (dirujuk)
G *PP v Lee Lai Choi* [2008] MLJU 605; [2009] 1 CLJ 312, MT (dirujuk)
PP v Lim Hong Chin [1993] 3 MLJ 736; [1994] 1 CLJ 79, MT (dirujuk)
Raja Izzuddin Shah v PP [1979] 1 MLJ 270; [1978] 1 LNS 165 (dirujuk)
R v Sargent (1974) 60 Cr App R 74, MR (dirujuk)
Sau Soo Kim v PP [1975] 2 MLJ 134, MP (dirujuk)

H

Undang-undang yang dirujuk

Akta Penculikan 1961 s 3
Kanun Keseksaan ss 34 , 363

I *Faizah bt Mohd Salleh (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.*
Srikanth Pillay bagi pihak OKT 1.
Halim Ashgar (Halim Ashgar) bagi pihak OKT 2.

Mohd Yazid H:

[1] Kedua-dua OKT pada mulanya dituduh atas kesalahan di bawah s 3 Akta Penculikan 1961 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan di mana pertuduhan asal dibaca sebagaimana berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 20 November 2012 jam lebih kurang 6.45 petang di alamat No 2, Jalan UB 9 Ukay Bestari, 68000 Ampang dalam Daerah Ampang, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, di dalam mencapai niat bersama kamu, bagi mendapatkan wang tebusan sebanyak USD2,000 telah menahan Ahmad Izham Zuhayry Qalamy bin Mohd Zamani (No sijil lahir: 121101–10–1427) dengan cara melarikan secara salah Ahmad Izham Zuhayry Qalamy bin Mohd Zamani, oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 3 Akta Penculikan 1961 (Akta 365) dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[2] Diakhir kes pendakwaan, saya mendapati pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan satu kes prima facie sebagaimana pertuduhan asal. Namun begitu saya berpuas hati pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan satu kes prima facie ke atas kesalahan menculik kanak-kanak tersebut. Ekoran daripada itu, saya kemudiannya meminda pertuduhan asal kepada satu kesalahan menculik yang boleh dihukum di bawah s 363 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan yang mana pertuduhan pindaan adalah dibaca sebagaimana berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 20 November 2012 jam kurang 6.45 petang di alamat No 2, Jalan UB 9 Ukay Bestari, 68000 Ampang dalam Daerah Ampang, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, di dalam mencapai niat bersama kamu, telah menahan Ahmad Izham Zuhayry Qalamy bin Mohd Zamani (No sijil lahir: 121101–10–1427) dengan cara melarikan secara salah Ahmad Izham Zuhayry Qalamy bin Mohd Zamani, oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 363 Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[3] Kedua-dua OKT terus mengaku salah sebaik sahaja pertuduhan pindaan dibaca kepada mereka. Setelah mendengar mitigasi yang dikemukakan oleh peguam-peguam tertuduh dan hujahan timbalan pendakwa raya ke atas hukuman saya kemudiannya menjatuhkan hukuman penjara empat tahun dan denda RM5,000 gagal bayar dua bulan penjara ke atas setiap OKT.

[4] Tidak berpuas hati dengan hukuman tersebut, timbalan pendakwa raya telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan merayu ke atas hukuman sahaja.

A JUSTIFIKASI KENAPA HUKUMAN MEMADAI DAN TIDAKLAH TERLALU 'MANIFESTLY INADEQUATE'

[5] Saya akur kesalahan menculik yang mana di dalam kes ini melibatkan seorang bayi yang baru dilahirkan adalah satu kesalahan yang amat serius. Hukuman mestilah berbentuk deteren dan faktor kepentingan awam hendaklah diutamakan agar ia memberi pengajaran kepada OKT-OKT dan juga orang awam bahawa kesalahan-kesalahan menculik adalah satu kesalahan yang serius pada pandangan mahkamah.

[6] Dalam menentukan tempoh pemenjaraan saya juga mengambil kira mana-mana pesalah yang disabitkan dengan kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan denda.

[7] Namun begitu kedua-dua faktor ini ianya perlu diimbangkan dengan fakta dan keadaan kes ini.

[8] Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan menunjukan kedua-dua OKT telah di bawa ke Malaysia untuk bekerja di rumah SP3 dan SP2 sebagai orang gaji dengan pendapatan sebanyak RM800 sebulan. OKT-OKT sudah bekerja dengan SP2 dan SP3 lebih kurang 14 hari sebelum kejadian. Seminggu sebelum kejadian, OKT-OKT telah memaklumkan hasrat mereka ingin kembali ke negara asal kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran. SP3 meminta mereka bersabar dan cuba menyesuaikan diri. Keinginan untuk kembali ke negara asal menyebabkan mereka membawa lari bayi tersebut sebagai jaminan untuk membolehkan mereka keluar dari negara ini.

[9] Berdasarkan fakta dan keadaan kes ini, saya mendapati ianya amat tidak mewajarkan untuk kedua-dua OKT dihantar ke penjara untuk menjalani hukuman penjara bagi tempoh yang maksima atau hukuman penjara untuk tempoh yang panjang.

[10] Disamping itu saya mendapati faktor-faktor berikut menjustifikasikan tempoh hukuman tersebut, iaitu:

(a) bayi tersebut telah ditahan secara salah selama lebih kurang tujuh jam iaitu mulai dari jam 6 petang dan diselamatkan pada jam 1 pagi keesokan hari; dan

(b) semasa bayi tersebut ditahan secara salah, bayi tersebut tidak dicederakan. Malah keterangan menunjukan OKT-OKT membawa bersama pakaian dan susu bayi. Semasa SP3 disoal balas dan dicadangkan

oleh peguam OKT bahawa OKT-OKT membawa pakaian dan susu bayi adalah bagi memastikan bayi dalam keadaan yang terjaga, cadangan tersebut dipersetujui oleh SP3.

[11] SP3 dan SP2 mengesahkan kedua-dua OKT dijanjikan dengan gaji RM800 sebulan. Pada malam kejadian, dalam proses rundingan, SP3 telah mengeluarkan wang daripada bank sebanyak RM1,000 dan wang tersebut telah diserahkan kepada Ustaz Naseer ('perunding') sebagaimana yang dikatakan diminta oleh Ustaz Naseer bagi pihak OKT-OKT. Semasa tangkapan, wang sebanyak RM950 berada di dalam poket jaket yang dipakai oleh Ustaz Naseer. Saya mendapati untuk tempoh 14 hari OKT-OKT bekerja dengan SP2 dan SP3, mereka berhak dibayar separuh daripada gaji, bersamaan dengan jumlah wang yang dirampas dalam milikan Ustaz Naseer. Tidak ada keterangan wang tersebut adalah wang tebusan.

[12] Peguam-peguam menyatakan OKT-OKT adalah warga Negara Kemboja, berusia muda, datang daripada keluarga yang miskin, buta huruf dan datang ke Malaysia bekerja sebagai orang gaji untuk menampung kehidupan keluarga.

[13] SP2 dan SP3 mengakui OKT-OKT telah melaksanakan tugas mereka dengan baik dan tidak mendatangkan apa-apa masalah. Suasana keadaan persekitaran yang berbeza menyebabkan mereka melahirkan hasrat untuk balik ke negara asal kepada SP3 setelah bekerja selama seminggu di rumah SP3. Berdasarkan latar belakang OKT-OKT, walaupun tindakan membawa bayi tersebut lari bersama mereka menyalahi undang-undang; faktor-faktor ini adalah juga faktor-faktor mitigasi yang memihak kepada OKT-OKT.

[14] Selain itu, saya mendapati tindakan OKT-OKT yang mengaku salah sebaik sahaja pertuduhan pindaan dibacakan, ianya jelas menzahirkan kekesalan dan keinsafan yang amat sangat ke atas insiden yang berlaku. Bagi saya faktor pengakuan salah ini tidak mewajarkan OKT-OKT dihantar ke penjara untuk tempoh yang terlalu lama. Di dalam kes *Sau Soo Kim v Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 134 hakim menyatakan:

> whether a person is a hardened criminal or not, I feel that a plea of guilty should be treated as a mitigating factor. It not only serves the country a great expense of a lengthy trial but also saves time and inconvenience of many, particularly the witnesses.

[15] Begitu juga dalam kes *Muhammad Isa bin Aris & Ors v Public Prosecutor* [2011] 5 MLJ 342:

> we are aware that a plea of guilty can be taken by us as a sure sign of remorse (*Wong Yuk Ai v Public Prosecutor* [1966] 2 MLJ 51 *R v Alcock and Others* [1967] Crim LR 66; and *Vennel and Ors v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 459 (CA).

[16] Bagi saya pengakuan salah OKT-OKT diambil kira sebagai satu faktor mitigasi yang mewajarkan OKT-OKT tidak dihantar untuk menjalani pemenjaraan untuk tempoh yang lama. Tambahnya pengakuan salah ini diperkuatkan lagi dengan fakta bahawa OKT-OKT bukannya penjenayah tegar.

[17] Bagi saya tempoh pemenjaraan empat tahun dan denda RM5,000 gagal bayar dua bulan penjara sudah tentu memberi impak kepada OKT-OKT dimana hukuman ini akan memahatkan nostalgia buruk disanubari OKT-OKT untuk selama-lamanya.

[18] Seterusnya saya juga mendapati OKT-OKT merupakan pesalah pertama dan tidak pernah mempunyai rekod jenayah sebelum ini. Kes *Raja Izzuddin Shah v Public Prosecutor* [1979] 1 MLJ 270; [1978] 1 LNS 165, *Public Prosecutor v Lee Lai Choi* [2008] MLJU 605; [2009] 1 CLJ 312 dan *Public Prosecutor v Lim Hong Chin* [1993] 3 MLJ 736; [1994] 1 CLJ 79 adalah dirujuk.

[19] Dalam *Abdul Karim v R* [1954] 1 MLJ 86 dimana mahkamah menyatakan:

> a clean record is certainly a mitigating factor.

[20] Faktor pesalah pertama dan mempunyai rekod yang bersih sebelum ini sudah pasti menyokong/mengukuhkan lagi dapatan mahkamah yang mewajarkan hukuman tersebut.

[21] Dalam menentukan tempoh hukuman penjara yang bersesuaian bagi kes ini saya mengingati diri saya kepada prinsip penghukuman yang digariskan dalam kes *R v Sargent* (1974) 60 Cr App R 74, dimana mahkamah rayuan England pernah memutuskan, antara faktor yang perlu diambil kira oleh mahkamah dalam menentukan bentuk hukuman yang bersesuaian sebagaimana pertuduhan:

> Those classical principles are summed up in four words retribution, deterrence, prevention, and rehabilitation. Any judge who comes to sentence ought always to have those for classical principle in mind and to apply them to the facts of the case to see which of them has the greatest importance in the case with which he is dealing.

Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara empat tahun dan denda RM5,000.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar